

05 NOV 1998

Parlimen-Bahas

KERAJAAN DISARAN BERI SUBSIDI RACUN DAN BAJA TAMBAHAN

KUALA LUMPUR, 5 Nov (Bernama) -- Seorang penyokong kerajaan hari ini menyarankan supaya kerajaan menyediakan subsidi racun dan baja tambahan kepada para petani bagi membantu mereka mengurangkan kos pengeluaran padi.

Wan Hanafiah Wan Mat Saman (BN-Pokok Sena) berkata sungguhpun kerajaan telah menyediakan subsidi baja, petani masih perlu mengeluarkan belanja yang besar membeli baja tambahan yang lain untuk meningkatkan penghasilan padi.

Di samping itu, para petani membelanjakan sebanyak RM318 untuk membeli racun bagi serelung tanah, tambah beliau.

"Selain itu, mereka terpaksa membelanjakan kira-kira RM800 dalam kos pengeluaran padi tetapi hasil pendapatan yang diperolehi hanyalah RM200 serelung," kata Wan Hanafiah ketika membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 1999, di Dewan Rakyat di sini.

"Dengan adanya pemberian subsidi racun dan baja tambahan, sekurang-kurangnya ia dapat meringankan beban para petani yang menanggung kos perbelanjaan yang tinggi dalam menghasilkan padi," tambah beliau.

Datuk Hanafi Ramli (BN-Jerlun) berkata walaupun kerajaan telah mengambil langkah menaikkan harga padi dan menetapkan harga beras gred Super untuk membantu para petani, usaha itu masih tidak memadai.

"Sebaliknya, kerajaan harus terus mencari jalan untuk mengurangkan kos perbelanjaan pengeluaran padi supaya petani memperolehi pendapatan yang lumayan," katanya.

Mengenai kemudahan prasarana, beliau menyarankan supaya landasan lapangan terbang Alor Setar dipanjangkan bagi membolehkan pesawat-pesawat besar mendarat di situ.

"Kebanyakan pesawat tidak dapat melakukan pendaratan kecemasan kerana landasan lapangan terbang itu terlalu pendek," kata Hanafi.

"Selain itu, pelancong-pelancong dari selatan Thai juga didapati seringkali menggunakan lapangan terbang ini apabila hendak melancong ke Kuala Lumpur dan ini dapat membantu sektor pelancongan negara," katanya.

Fu Ah Kiow (BN-Mentakab) pula berkata peruntukan yang ada di dalam Danaharta dan Danamodal untuk memulihkan sistem perbankan tempatan perlu digunakan dengan berhati-hati.

"Kita mesti sedar bahawa kita tidak boleh gagal dalam usaha memulihkan sistem perbankan negara. Jika kita gagal, kesannya amat besar dan ia akan terus mengoncangkan asas ekonomi negara," katanya.

Katanya, walaupun beliau mengalu-alukan peruntukan RM4 bilion untuk projek prasarana di bawah Perbelanjaan Pembangunan, kerajaan perlu memastikan hanya projek-projek yang boleh menjana aktiviti ekonomi sampingan sahaja dilaksanakan.

Dalam sektor perkhidmatan pula, Fu menyeru kerajaan mempertingkatkan tahap liberalisasi dalam bidang "container haulage" di industri perkapalan tempatan supaya wujud persaingan sihat yang dapat menggalakkan peningkatan produktiviti dan keberkesanan perkhidmatan.

Datuk Sukri Mohamed (BN-Machang) meminta kerajaan supaya sensitif dengan setiap masalah rakyat dan berusaha menyelesaikannya dengan baik dan segera bagi memastikan segala ketidakpuasan hati mereka diatasi.

"Saya percaya jika masalah rakyat dapat diselesaikan, apa juga gerakan reformasi yang dianjurkan tidak akan dapat mempengaruhi rakyat dan memulihkan keyakinan terhadap kerajaan," katanya sambil mendesak supaya setiap kementerian mengkaji dengan teliti masalah rakyat yang berkait

dengan kementerian masing-masing.

Beliau berkata kerajaan juga hendaklah mengurangkan kerenah birokrasi bagi memastikan setiap projek pembangunan yang dicadangkan berjalan dengan segera.

Sukri berkata langkah kerajaan memberi peruntukan yang lebih tinggi kepada Pembangunan Luar Bandar adalah baik tetapi ia tidak bermakna sekiranya pelaksanaannya amat lemah.

Beliau meminta supaya kerajaan melibatkan peranan wakil rakyat dalam setiap projek pembangunan khususnya di luar bandar kerana mereka lebih memahami masalah dan keperluan rakyat.

Sukri turut meminta kepada Perdana Menteri dan Menteri Kewangan Pertama Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya mengkaji semula keputusan tidak membayar bonus kepada kakitangan kerajaan tahun ini dengan mengadakan satu inisiatif lain bagi menggantikan bonus.

Ini bagi kepentingan 800,000 kakitangan kerajaan yang telah bekerja bertungkus-lumus membantu kerajaan melaksanakan dasar-dasarnya, katanya.

Beliau berkata kerajaan boleh mengkaji sistem lain, sekurang-kurangnya satu bentuk inisiatif, dengan jumlah yang boleh membantu mereka dalam menghadapi sesi pembukaan sekolah dan persediaan Hari Raya Aidilfitri nanti.

Sukri juga menggesa kerajaan supaya menyegerakan proses siasatan dakwaan keganasan polis terhadap tahanan seperti yang didakwa berlaku terhadap bekas Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Katanya jika dakwaan itu benar mana-mana pegawai polis yang terbabit hendaklah dikemukakan ke mahkamah kerana hanya dengan cara itu keyakinan rakyat terhadap polis dapat dipulihkan.

Gesaan Sukri turut disokong oleh dua anggota Barisan Nasional, Datuk Abu Zahar Ujang (BN-Kuala Pilah) dan Dr Nungsari Ahmad Radhi (BN-Balik Pulau) yang mahukan kerajaan supaya segera mengumumkan hasil siasatan itu.

Mereka berkata kerajaan mesti mengambil tindakan tegas dalam perkara itu jika ia benar-benar berlaku.

Sementara itu Datuk Dr Kamal Salih (BN-Wangsa Maju) berkata peranan Bank Negara begitu penting bagi mewujudkan sistem perbankan yang berupaya menjaga nilai dan rizab negara serta membantu usaha pemulihan ekonomi walaupun terdapat banyak kritikan terutama daripada beberapa pihak asing.

Beliau juga meminta kerajaan mengkaji semula peranan Bank Negara yang ketika ini turut bertanggungjawab mengenai insurans, perumahan dan beberapa sektor lain yang tidak begitu berkaitan dengan kewangan berbanding peranan asalnya.

Muhammad Abdullah (BN-Pasir Puteh) pula menggesa Kerajaan Persekutuan segera mengambil alih urusan membekalkan air daripada kerajaan negeri berikutan kegagalan Kerajaan Kelantan menjalankan peranannya sehingga menyebabkan penduduk terpaksa menggali perigi untuk mendapatkan bekalan air.

Chia Kwang Chye (BN-Bukit Bendera) menggesa rakyat meningkatkan produktiviti bagi membantu usaha pemulihan ekonomi negara dan meminta kakitangan sektor awam tidak menganggap cuti hari Sabtu sekali pada setiap bulan hanya untuk bersenang-lenang.

Vincent Lim Kuo Phau (BN-Petaling Jaya Utara) menyeru kerajaan menguatkuasakan peraturan larangan merokok agar dapat mengurangkan gejala yang tidak sihat itu.

Sungguhpun perbelanjaan yang besar telah dikeluarkan dalam kempen mendidik para perokok supaya tidak merokok di tempat larangan tetapi ia tidak begitu berkesan seperti yang diharapkan, katanya.

Kementerian Kesihatan telah memberikan peratusan dan data berkenaan dengan kesan sampingan merokok, tetapi apa lebih perlu dilakukan ialah

usaha yang serius untuk mengurangi statistik ini, katanya.
Persidangan dewan disambung Isnin depan.
-- BERNAMA
RZS HAK NMO